

Headline	KKMM rangka program persiapan Msia tuan rumah mesyuarat Asean 2015		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	6	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 804
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,411



## 'KKMM rangka program persiapan M'sia tuan rumah mesyuarat Asean 2015'

KUALA LUMPUR: Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) akan merangka beberapa program sebagai persiapan Malaysia mempengerusikan mesyuarat Asean pada 2015, kata Timbalan Menteri Datuk Jailani Johari.

Sebagai contoh, katanya, Kuiz Asean 2014 yang dianjurkan Jabatan Penerangan Malaysia bertindak sebagai landasan yang mampu meningkatkan kesefahaman dan semangat setiakawan generasi muda di rantau ini.

"Hari ini tiga pelajar yang menang dalam kuiz ini (peringkat kebangsaan) akan mewakili Malaysia dalam pertandingan akhir peringkat serantau di Vietnam dijangka Ogos ini bersama peserta negara Asean lain dan mereka juga bertindak sebagai duta kepada negara," katanya kepada pemberita selepas menutup Kuiz Asean 2014 di sini Khamis.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KKMM Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Ketua Pengarah Penyiaran Datuk Norhyati Ismail.

Tiga pemenang itu ialah Chew Tzu Chen dari Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Lebu Light Pulau Pinang, Mohd Syahmi Mohammad Norman (Sekolah Menengah Sains Labuan) dan Mimi Lilian Hee (Sekolah Menengah Kebangsaan Mat Salleh, Ranau Sabah).

Jailani berkata kementerian akan memperluaskan penganjuran program sebegitu di peringkat kebangsaan untuk menarik penyertaan lebih ramai pelajar.

Kuiz Asean 2014 dengan tema 'Moving Forward in Unity to a Peaceful and Prosperous Community' menyaksikan penyertaan 20,039 pelajar daripada 924 sekolah di seluruh negara berbanding hanya 7,700 peserta pada 2012.

Dalam pertandingan itu, peserta perlu menjawab soalan berkaitan Asean yang diadili panel juri daripada Universiti Teknologi Mara, Sekretariat Asean-Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. - Bernama